

19 AUG 1996

Abdullah-India

MALAYSIA DAN INDIA MEMASUKI ERA PERSAHABATAN BARU

KUALA LUMPUR, 19 Ogos (Bernama) -- Hubungan mesra Malaysia dengan India kini telah mencapai tahap baru dengan kedua-dua negara mewujudkan hubungan di lebih banyak bidang khususnya dalam perdagangan dan komersil, kata Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi hari ini.

Beliau berkata, hubungan Malaysia-India sebagai baik dan kemasukan New Delhi sebagai rakan dialog Asean baru-baru ini telah membawa benua itu lebih dekat dengan Malaysia.

"Tahap baru persahabatan itu juga pasti meningkatkan lagi Kerjasama Selatan-Selatan," kata beliau di persidangan berita selepas menerima kunjungan Menteri Luar India, Inder Kumar Gujral di Wisma Putra di sini.

Gujral, yang tiba di sini semalam kerana lawatan tiga hari berkata, persahabatan baru itu akan mewujudkan masa depan yang lebih baik dan cerah bagi kedua-dua negara.

Beliau berkata, India dan Malaysia telah mengenal pasti bidang-bidang pelaburan seperti pembinaan jalan raya, penjana tenaga dan infrastruktur.

Abdullah berkata, Malaysia menyokong persidangan Lingkaran Lautan Hindi yang dicadangkan oleh India dan juga berminat untuk menyertainya. Persidangan itu akan diadakan di Mauritius tahun ini.

Beliau berkata, Malaysia dan India juga mengiktiraf peranan Kumpulan 15 (G15) sebagai forum kerjasama ekonomi pelbagai peringkat.

Mengenai permintaan Penerbangan Malaysia (MAS) untuk menambah bilangan penerbangan ke India, Abdullah berkata Gujral menyatakan yang kerajaannya akan meneliti perkara itu.

Abdullah juga memberitahu Gujral yang pengeluaran visa bagi rakyat India yang masuk ke negara ini tidak menjadi masalah selagi mereka benar-benar datang ke sini dengan tujuan melawat.

Ditanya sama ada beliau membincangkan dengan Gujral mengenai Pengharaman Menyeluruh Ujian (CTBT), iaitu cadangan sedunia untuk mengharamkan ujian nuklear, Abdullah berkata beliau menjelaskan pandangan Malaysia yang dunia mesti bebas daripada senjata nuklear.

Beliau berkata, Gujral menjelaskan kepada beliau akan pendirian India "dan kita saling memahami kedudukan masing-masing tetapi objektif akhir kita ialah untuk melihat dunia yang bebas daripada senjata nuklear".

India telah berjanji akan menentang CTBT yang kini sedang dirundingkan di Geneva. New Delhi berkata deraf perjanjian itu tidak mengikat negara-negara kuasa nuklear untuk melucutkan senjata nuklear dalam tempoh masa yang ditetapkan.

Sementara itu, Gujral berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka melawat New Delhi pada November untuk menerima anugerah Nehru.

Sebelum itu, Menteri India itu menemui Menteri Kerja Raya Datuk Seri S.Samy Vellu.

Bercakap kepada pemberita selepas itu, Samy Vellu berkata Renong Berhad yang cuba mendapatkan tender Lebuhraya Merentasi India yang menghubungkan bandaraya-bandaraya utama di India bernilai RM 50,000 juta mungkin menandatangani perjanjian dengan sebuah syarikat India pada November untuk membina secara bersama lebuhraya itu.

Beliau berkata, Dr Mahathir dan rakan sejawatannya dari India Deve Gowda dijangka menyaksikan majlis menandatangani perjanjian itu di New Delhi.

Samy Vellu berkata, Renong besar kemungkinan akan mendapat kontrak bagi

30 peratus daripada lebih raya sepanjang 11,000 km itu.

Menteri itu berkata, India juga telah menawarkan syarikat-syarikat Malaysia menyertai industri pembinaan di negara itu. -- BERNAMA

ES PR